

**PEMILIKAN MAKNA KEHIDUPAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
MENGIKUT UJIAN MENCARI MATLAMAT NEOTIKA  
(SEEKING OF NEOTICS GOAL- SONG)**

**Ratna Roshida Ab Razak**

**Zatul Himmah Adnan, Ku Hasnita Ku Samsu, Zarina Muhammad, Lee Yoke Fee**

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan

Universiti Putra Malaysia.

**ABSTRAK**

Kehidupan yang mempunyai makna, tujuan dan nilai telah menjadi tumpuan utama beberapa teori dalam psikologi kemanusiaan. Hal ini dikira penting kerana dengan memiliki tiga perkara asas ini seseorang individu dapat mengoptimunkan kehidupannya. Pengukuran makna hidup agak sukar untuk dilakukan kerana halangan-halangan yang bersifat kebimbangan pragmatic seperti mengukur pengalaman yang bersifat subjektif dan ketidaksesuaian teori atau pendekatan yang ada diperkenalkan oleh ahli psikologi kemanusiaan. Walau bagaimanpun Logoterapi, sebuah pendekataan psikologi kemanusiaan dianggap sesuai untuk melihat persoalan makna, tujuan dan nilai hidup. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan kaedah empirikal yang berkaitan dengan pemilikan makna, tujuan dan nilai melalui paradigma humanistik-eksistensi. Untuk tujuan ini, ujian makna logotherapy iaitu Mencari Matlamat Noetik (SONG) akan digunakan. Struktur faktor 20-item yang terdapat dalam ujian ini akan diaplikasikan melalui kaedah pengesahan analisis faktor (factor analytic). Kajian ini menggunakan data yang diperolehi daripada pelajar universiti awam Malaysia ( $N = 2056$ ) Analisis faktor menyokong model dua faktor yang terdapat pada SONG. Corak korelasi yang terdapat pada dua faktor ini iaitu Faktor 1, yang berkaitan dengan kehidupan yang menggembirakan dan memuaskan, memperlihatkan hubungan yang sangat kuat dengan faktor 2 , iaitu tujuan dalam kehidupan.

**Kata kunci:** *Psikologi, Logoterapi, SONG*

**PENDAHULUAN**

Ujian Mencari Matlamat Noetik (SONG) telah dibangunkan oleh Crumbaugh (1977) sebagai pelengkap kepada ujian Tujuan Dalam Hidup Life (PIL; Crumbaugh dan Maholick 1964, 1969). Ujian SONG ini dibangunkan dengan menggunakan paradigma Logoterapi, yang menekankan kepentingan makna dalam kehidupan dan hubungannya dengan kesejahteraan. (Frankl 2010; Melton dan Schulenberg).

Sekiranya ujian PIL direka untuk mengukur jumlah makna yang dilihat oleh seseorang (iaitu, kehidupan yang dipenuhi tujuan dan tujuan), manakala ujian SONG pula direka untuk mengukur keperluan atau motivasi bagi mencari makna. Ini adalah perkara yang menjelaskan bahawa ukuran itu dikatakan untuk menilai. Istilah “*noetic*” yang digunakan ini merujuk kepada sumber manusia yang unik, seperti matlamat, tujuan, kreativiti, cinta, humor, dan apa yang digambarkan oleh Frankl sebagai “keinginan atau iltizam untuk makna” (*the will to meaning*), (Frankl 1959/1985). Keinginan untuk “makna” ini merujuk kepada motivasi utama manusia untuk menemui makna dan tujuan hidup. Ketiadaan perkara ini akan membawa seseorang kepada “kekosongan kewujudan” (*existential vacuum*), (Crumbaugh 1977, Frankl 1959/1985). Kesedaran kepada perasaan kekosongan boleh memberi motivasi kepada seseorang orang untuk bertindak balas terhadap kekosong yang sedang dihadapi. Keadaan ini juga boleh membawa mereka dengan matlamat yang lebih terarah untuk mereka mencari makna dalam hidup.

Sekiranya keadaan kekosongan kewujudan ini tidak dicari jalan penyelesaiannya, keadaan ini boleh membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan, tekanan dan sebagainya. (Schulenberg et al. 2008). “*Noetic*” merupakan istilah logoterapi yang diterjemahkan kepada perkataan “makna”. Kedua-dua perkata ini, iaitu “*noetic*” dan “*meaning*” ini digunakan secara bertukar ganti. (Schulenberg et al. 2008).

Makna merupakan satu konsep yang penting untuk manusia meneruskan kelangsungan hidup. (Schulenberg et al. 2008, Wong 2012). Oleh hal yang demikian persoalan makna kini telah menarik ramai ahli penyelidik, sama ada mereka dari bidang falsafah ataupun bidang yang berkaitan dengan pembangunan manusia, khususnya mereka dari Barat untuk mengkaji persoalan berkaitan dengan makna. Bukan itu sahaja malahan dalam bidang psikologi dan bidang kesihatan mental, persoalan tentang makna kini telah berfungsi sebagai teras utama kepada para penyelidik dan doktor agar mereka lebih memahami kaitan teori dan empirikal, sehingga ia menjadi aspek integral dalam bidang tersebut. (Schulenberg et al. 2008).

Secara hakikat pemilikan makna dalam hidup ini mempunyai kaitan yang sangat positif dengan dengan kebahagiaan, kesejahteraan, kepuasan hidup, daya tahan, kemahiran untuk mengatasi masalah, rasa syukur, kesihatan sama ada secara spiritual atau fizikal dan harga diri. Kegagalan untuk memiliki makna, tujuan dan nilai hidup mendorong kepada kemurungan, kebimbangan, tekanan yang jika tidak ditangani boleh menjurus kepada perkara yang lebih bahaya iaitu penyalahgunaan dadah, pengambilan alkohol yang berlebihan, keinginan untuk memiliki harta benda yang melampau. (Kashdan dan Breen 2007, Schulenberg 2008)

Orang yang mempunyai makna dalam kehidupan mereka akan lebih cenderung untuk bahagia dan sihat dalam pelbagai aspek kehidupan. Mengikut Viktor Frankl ‘makna’ merupakan satu element spiritual yang penting kerana bagi beliau, makna ini merupakan komponen penting dalam domain spiritual. Makna spiritual atau kerohanian bagi Frankl ialah ialah pemilikan makna, tujuan dan nilai dalam hidup. Hal yang sama disokong oleh Danah Zohar, seorang pakar neurosains dan pencetus idea modal spiritual. Aspek spiritual yang dimaksudkan di sini merangkumi persoalan makna, tujuan dan nilai kehidupan dalam diri individu tersebut. (Danah Zohar, 2002). Maksud spiritual ini agak berlainan sebagaimana kefahaman biasa yang melibatkan kaitan agama. Pemilihan maksud spiritual sebagaimana yang disarankan oleh Danah Zohar, adalah kerana adanya perbezaan antara agama dan spiritual. Ternyata kehadiran makna adalah penanda yang baik dalam sesbuah kehidupan yang mana hal ini menunjukkan domain spiritualnya berada dalam keadaan yang baik. (Peterson & Park 2012, hal. 292)

## PSIKOMETRIK UNTUK UJIAN SONG

Rajah di bawah menunjukkan Kandungan umum untuk item yang terdapat dalam ujian Mencari Matlamat Neotika (SONG) Pembahagian komponen kepada 2 iaitu: Faktor Kehendak Untuk Memiliki Makna (*Will to Meaning*) dan Faktor Kehampaan Kewujudan (*Existential Value*). Kenyataan yang ditanda kuning menuunjukkan keadaan yang paling minimum dalam skala Likert, manakala kenyataan yang ditanda hijau merupakan keadaan yang paling maksimum dalam skala Likert.

Jadual 1: Item dalam ujian SONG

- |   |
|---|
| 1- Saya rasa diri saya memerlukan kehidupan yang - <b>Tidak aktif dan hambar</b><br><b>[Penuh semangat]</b>   |
| 2- Saya seorang yang -Resah [tenang]  |
| 3- Saya ingin diri saya menjadi seorang yang - <b>Hanya membiarkan sesuatu perkara untuk berlaku</b> <b>[Mempunyai motivasi tinggi]</b>                 |
| 4- Dalam mencapai sesuatu yang saya inginkan, saya seorang yang - <b>Hanya tunggu dan lihat</b> <b>[Mempunyai keazaman yang tinggi]</b>                 |
| 5- Setiap hari adalah - <b>Sama seperti semalam</b> <b>[Hari yang baharu dan segar]</b>   |
| 6- Jika saya boleh memilih, saya - <b>Lebih suka hidup sebagaimana saya sekarang</b> <b>[Mengubah hidup saya sebelum ini supaya menjadi lebih baik]</b> |

- 7- Dalam melakukan sesuatu perkara dalam hidup, saya rasa - Ia tidak bermanfaat[Ia mempunyai manfaat yang besar]
- 8- Untuk mencari makna dan tujuan hidup yang sebenar - Saya tidak perlu memiliki meskipun saya tahu saya kekurangannya [Saya rasa cukup tetapi saya perlu memperolehi lebih banyak lagi]
- 9- Kehidupan saya banyak ditentukan oleh - Orang lain [diri saya sendiri]
- 10- Jika saya tamat pengajian hari ini, saya rasa bahawa hidup saya telah - sampai ke penghujung jalan [berada pada permulaan usaha yang baru]
- 11- Saya merasakan perkara-perkara yang tidak begitu pasti seperti bagaimana keadaan hidup saya 10 tahun dari sekarang - mengganggu saya[memberikan saya peluang untuk membuat persediaan yang baik ]
- 12- Untuk mendapat kedudukan yang lebih baik bagi kehidupan saya selepas tamat pengajian - adalah sesuatu yang tidak pernah saya fikirkan [adalah keinginan yang sentiasa saya impikan]
- 13-Mencari identiti sebagai rakyat Malaysia - Merupakan sesuatu perkara yang saya tidak pedulikan [merupakan sesuatu keinginan saya yang kuat]
- 14-Kadang-kadang saya rasa - perlu mengambil mudah dan membiarkan kehidupan berlalu begitu sahaja [keperluan kepada cabaran dan dunia baru untuk dikuasai ]
- 15- Untuk mencapai sesuatu yang saya ingini - Saya akan berfikir bagaimana cara mudah untuk memperolehinya [Saya akan mengatur strategi bagaimana untuk memperolehinya]
- 16- Kehidupan saya yang belum pasti coraknya - mengelirukan dan mengganggu saya [mencabar saya untuk menerokai dengan lebih lanjut ]
- 17- Matlamat yang benar-benar jelas untuk menjadi hala tuju kehidupan saya merupakan sesuatu yang - saya tidak pernah tahu [saya sedar sepenuhnya]
- 18- Saya berharap kehidupan masa depan saya - mudah dan santai[menyeronokkan dan lebih mencabar]
- 19- Saya rasa tahap kepuasan yang paling tinggi dalam kehidupan saya terletak pada tangan seseorang [pada diri saya sendiri]

20- Apabila saya mencuba aktiviti atau bidang yang baharu - dengan cepat akan hilang daya tarikannya[terasa semakin teruja dengannya]

Pembahagian 20 item yang terdapat dalam ujian SONG kepada dua faktor utama iaitu hala tuju kehidupan dan perasaan tidak puas hati dengan bentuk kehidupan yang dilalui. Pembahagian item ujian SONG kepada dua faktor ini berdasarkan Schulenberg and Gohm (2009) sebagaimana yang telah digunakan dalam kajian mereka.

Tujuan Crumbaugh (1977) membangunkan ujian SONG adalah untuk menyusun ukuran sikap bagi menilai motivasi responden ke arah mencari makna. Pernyataan yang terdapat pada setiap itemnya merupakan item yang bertujuan untuk menilai motivasi pencarian makna dengan menggunakan kerangka konseptual yang terdapat dalam teori Logoterapi. Dalam kajian ini, sekumpulan pelajar, yang dikategorikan dalam kumpulan belia ini dipilih. Golongan ini merupakan kelompok penduduk terbaik untuk mewakili generasi muda Malaysia yang umur purata mereka antara 19-25.

## HASIL

### Persediaan Data

**Jadual 2: Tahap bagi Ujian SONG**

<b>Tahap</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Rendah (1.00-2.33)	44	2.1%
Sederhana (2.34-3.67)	486	23.6%
Tinggi (3.68-5.00)	1526	74.2%
<b>Jumlah</b>	<b>2056</b>	<b>100%</b>

Min:4.02, SD:0.653

Skor ujian SONG juga dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu rendah (1.00-2.33), sederhana (2.34-3.67) dan tinggi (3.68-5.00). Tahap-tahap ini berdasarkan nilai jumlah ukuran Likert-Scale yang diperolehi. Jadual di atas menjelaskan isi kandungan ujian SONG secara umum. Tahap rendah, sebanyak 44 distribusi frekuensi responden, iaitu (2.1%) berada di tahap ini. Pada tahap sederhana (2.34-3.67), sebanyak 486 (23.6%) distribusi frekuensi responden berada pada tahap ini, manakala sebanyak 1526 (74.2%) distribusi frekuensi responden berada pada tahap tinggi. Untuk ujian SONG ini, Minnya adalah 4.02 dengan Standard Deviationnya 0.653. Dapatkan ini telah menunjukkan bahawa pemilikan makna kehidupan dalam kalangan pelajar university adalah tinggi iaitu 74.2%.

### Jadual 3: Cronbach Alpha bagi (SONG)

Cronbach's Alpha	
SONG	0.935

Dalam aspek kebolehpercayaan, data yang diperolehi menunjukkan ujian SONG menghasilkan skor yang boleh dipercayai. Jadual di atas menunjukkan hasil kebolehpercayaan yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan. Nilai Cronbach's Alpha PIL berada pada tahap 0.935, dianggap sangat memuaskan. Nilai Cronbach's Alpha ini menunjukkan kebolehpercayaan dan ‘good internal consistency’ berada dalam tahap yang cemerlang. (Reker and Cousins , 1979), Schulenberg (2004))

## KAEDAH

### Responden

Sejumlah 2056 responden telah dipilih daripada 20 Universiti Awam di Malaysia. responden lelaki mencatatkan bilangan 787 orang atau 38.2%, manakala responden perempuan sebanyak 1263 atau 61.3% manakala yang tidak meletak jawapan pula sebanyak 8 orang atau 0.4%. seramai 1129 orang, bersamaan 54.9% responden terdiri daripada etnik Melayu. 487 orang, bersamaan 23% terdiri daripada 23.7% responden terdiri daripada etnik Cina, 230 orang pula (11.2%) terdiri daripada etnik India, 126 (6.1%) pula terdiri daripada Bumiputra Sabah dan 20 orang (1%) terdiri daripada Bumiputra Sarawak. Sebanyak 2 orang (0.1%) tidak menyatakan etniknya. Secara kesimpulannya etnik Melayu merupakan majoriti dalam kajian ini dengan peratusan sebanyak 54.9% daripada jumlah keseluruhan responden.

### Ukuran

Hasil kajian melalui ujian SONG dibentangkan dalam bentuk jadual dan huraian. Jadual-jadual ini akan mengandungi item, skor, kekerapan, peratus dan min yang diperolehi hasil maklum balas responden. Dapatkan kajian dapat dilihat melalui kekerapan dan peratus responden memilih jawapan serta melalui min yang diperolehi. Dengan kebanyakan item soal selidik menggunakan skala Likert, nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan.

### Prosedur

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai pemilikan makna kehidupan dalam kalangan pelajar universiti. Bagi kajian ini, ukuran pemilikan hanya dilihat daripada jumlah score yang diperoleh daripada skala Likert melalui ujian SONG. Analisis faktor juga dijalankan terhadap ujian SONG bagi mengkaji tentang kesahan sturkturalnya. Konsep utama analisis faktor menegaskan bahawa banyak pembolehubah yang diamati mempunyai pola tindak balas yang sama kerana semuanya dikaitkan dengan pembolehubah pendam (*latent*), iaitu pemboleh ubah yang tidak boleh diukur secara langsung. Ia juga merupakan pemboleh ubah yang terpendam dan tidak dapat dilihat

secara langsung dan tidak boleh diandaikan untuk mempengaruhi pemboleh ubah tindak balas atau pemboleh ubah ketara. Sebagai contoh, jawapan yang agak sama diterima apabila soalan berkaitan dengan keupayaan spatial, keberkesanannya diri dan sikap. Untuk lebih memahami hubungkait antara item yang terdapat dalam ujian ini, item ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Kehampaan Kewujudan dan Kemahuan untuk Memberi Makna, mempunyai perkaitan antara keduanya.

#### Jadual 4: Nilai korelasi bagi ujian SONG

Faktor 1:	Faktor 2:
Kehampaan Kewujudan ( <i>existential vacuum</i> ), Arah tuju kehidupan dan ketidakpuasan hati terhadap kedudukan di dunia ( <i>life direction and dissatisfaction with one's place in the world</i> )	Kemahuan untuk memberi makna ( <i>will to meaning</i> ) dan Perspektif tentang pencapaian dalam hidup di masa hadapan ( <i>perspective regarding life achievement in the future</i> )
Korelasi	0.895***
Sig. (2-tailed)	.000
N	2056

Dapatkan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan di antara Kehampaan Kewujudan (*Existential Vacuum*), iaitu keadaan tidak puas hati tentang kehadiran dan tujuannya dalam hidup dengan Kemahuan untuk Memberi Makna (*Will To Meaning*), iaitu perspektif mengenai pencapaian kehidupan di masa hadapan. Nilai signifikan adalah ( $p < 0.05$ ). Kekuatan hubungan antara kedua-dua faktor ini adalah sangat kuat memandangkan nilai  $r$  adalah 0.895. Ini menjelaskan kekuatan hubungan antara pembolehubah adalah sangat tinggi ( $r = 0.895$ ), dan pekali korelasi ( $P < 0.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa apabila seseorang tidak merasa puas hati dengan keberadaannya dan memiliki tujuan hidup yang tidak jelas, keadaan ini memberi perspektif yang agak negatif mengenai apa yang boleh dicapai di kemudian hari. Sebaliknya jika seseorang itu merasa puas hati dengan keberadaannya dan memiliki tujuan hidup yang jelas, keadaan ini memberi perspektif yang positif mengenai apa yang boleh dicapai di kemudian hari.

#### PERBINCANGAN

Analisis faktor dianggap penting untuk melihat hubungan pemboleh ubah bagi konsep yang dikira agak kompleks seperti status sosioekonomi, pola pemakanan, atau skala psikologi dan konsep yang tidak mudah diukur secara langsung oleh sejumlah besar pembolehubah kepada

beberapa faktor asas yang dapat difahami. Dalam mengukur pemilikan makna, ternyata analisis faktor adalah kaedah yang terbaik bagi tujuan ini. (Melon and Schulenberg, 2008).

## Korelasi Faktor Dalam Ujian Song

Daripada 20 item yang terdapat pada ujian SONG ini, 2 faktor dibahagikan daripadanya iaitu Faktor 1, Kehampaan Kewujudan (*Existential Vacuum*) dan Faktor 2, kemauan untuk memberi makna (*Will to Meaning*). Terdapat 7 item dalam Faktor 1, manakala 13 item dalam Faktor 2. Faktor analisis yang dijalankan menggunakan Analisis Komponen Utama, *Principal Component Analysis* (PCA) Analisis Komponen Utama menunjukkan 2 faktor. Faktor 1 iaitu *Existential Vacuum* pula terdiri daripada item yang bernombor 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 20. Faktor ini boleh dinilai bagaimana seseorang individu yang berasa tidak puas hati tentang kehidupan yang dilalui kini. Dalam konteks pelajar, hal ini boleh dikaitkan dengan ketidakupayaan untuk membuat keputusan, kurang komitmen untuk mencapai sesuatu matlamat. Item yang terdapat dalam Faktor 1 (*Existential Vacuum*) yang bersifat masa kini, turut juga memfokuskan kepada persepsi bahawa sesuatu yang agak kritikal telah hilang dalam kehidupan seseorang individu. Sebagai contoh dalam item 13, “Mencari identiti sebagai rakyat Malaysia - merupakan sesuatu perkara yang saya tidak pedulikan [merupakan sesuatu keinginan saya yang kuat].” Manakala Faktor 2 (*Will to Meaning*), yang lebih bersifat masa hadapan, memfokuskan kepada persepsi pencapaian hidup di masa hadapan. Item yang berada dalam Faktor 1 ini ialah 1, 7, 12, 10, 6, 3, 8, 19, 4, 5, 11, 19 dan 2.

Melalui sudut pandang Logoterapi, Kehampaan Kewujudan merupakan satu persepsi bahawa kehidupan seseorang tidak mempunyai makna dan tujuan. Kehampaan Kewujudan ini juga sering difahami sebagai perasaan kekosongan, kebosanan, atau sikap tidak peduli. Dengan memiliki perasaan ini seseorang individu seharunys menjadi lebih bermotivasi untuk mencari arah hidup yang lebih bermakna. Item yang mempunyai elemen ini ialah “Untuk mencapai sesuatu yang saya ingin - Saya akan berfikir bagaimana cara mudah untuk memperolehnya [Saya akan mengatur strategi bagaimana untuk memperolehnya]”, mempunyai kaitan dengan soalan seperti adakah seseorang individu mengejar matlamat hidup secara gigih tanpa berputus asas?

## KESIMPULAN

Dengan memahami keadaan asas menegenai persoalan pemilikan makna dalam kalangan pelajar universiti, ternyata, pelajar universiti memiliki makna dalam kehidupan mereka. Apabila seseorang individu itu sedar tentang nilai yang perlu dimilikinya, seorang individu tersebut akan menjadikan pencarian nilai yang perlu dimiliknya ini sebagai tumpuan utama dalam perjalanan hidupnya. Seseorang individu tersebut yakin bahawa pencarian tersebut akhirnya mampu untuk mendapatkan sebuah kehidupan yang bermakna. Proses kepada pencarian nilai ini juga akan dapat dilihat dalam nilai peribadi yang dimilikinya. Dalam keadaan ini, proses pencarian makna akan berterusan meskipun berdepan dengan pelbagai halangan dan rintangan kerana keyakinan terhadap apa yang bakal diperolehinya iaitu, sebuah kehidupan yang sangat bermakna. Nilai positif sentiasa menjadi pegangan mereka. Dalam hal kajian ini meskipun dapatan menunjukkan kadar 74.2 % pelajar memiliki makna, namun persoalan yang seterusnya perlu dilihat, sejauh mana mereka memiliki daya tahan dalam meneruskan pencarian mereka. Selain itu adakah proses pencarian makna ini dapat dilihat dalam personaliti mereka? Atau apakah makna pemilikan makna hidup ini dalam konteks mereka, hanyalah 4 tahun, iaitu tempoh mereka berada di universiti?

## RUJUKAN

- Crumbaugh, J. C. (1977a). Manual of instructions: The Seeking of Noetic Goals test (SONG). Abilene, TX: Viktor Frankl Institute of Logotherapy.
- Danah Zohar, (2002), Spiritual Intelligence: The Ultimate Intelligence, London: Bloomsbury.
- Frankl, V. E. (1959/1985). Man's search for meaning (Rev. ed.). New York, NY: Washington Square Press.
- Frankl, V. E. (2010). In A. Batthyany (Ed.), The feeling of meaninglessness: A challenge to psychotherapy and philosophy. Milwaukee, WI: Marquette University Press.

- Kashdan, T. B., & Breen, W. E. (2007). Materialism and diminished well-being: Experiential avoidance as a mediating mechanism. *Journal of Social and Clinical Psychology*, 26, 521–539.
- Melton, A. M. A., & Schulenberg, S. E. (2008). On the measurement of meaning: Logotherapy's empirical contributions to humanistic psychology. *The Humanistic Psychologist*, 36, 1–14.
- Peterson, C., & Park, N. (2012). Character strengths and the life of meaning. In P. T. P. Wong (Ed.), *The human quest for meaning: Theories, research, and applications* (2nd ed., pp. 277–295). Routledge: Taylor & Francis.
- Reker, G. T., & Cousins, J. B. (1979). Factor structure, construct validity and reliability of the Seeking of Noetic Goals (SONG) and Purpose in Life (PIL) tests. *Journal of Clinical Psychology*, 35, 85–91.
- Schulenberg, S. E. (2004). A psychometric investigation of logotherapy measures and the Outcome Questionnaire (OQ-45.2). *North American Journal of Psychology*, 6, 477–492.
- Schulenberg, S. E., & Gohm, C. L. (2009). An exploratory factor analysis of the Seeking of Noetic Goals test (SONG). In A. Batthyany & J. Levinson (Eds.), *Existential psychotherapy of meaning: Handbook of logotherapy and existential analysis* (pp. 503–511). Phoenix, AZ: Zeig, Tucker & Theisen.
- Schulenberg, S. E., Hutzell, R. R., Nassif, C., & Rogina, J. M. (2008). Logotherapy for clinical practice. *Psychotherapy: Theory, Research, Practice, Training*, 45, 447–463.
- Wong, P. T. P. (2012a). Introduction: A roadmap for meaning research and applications. In P. T. P. Wong (Ed.), *The human quest for meaning: Theories, research, and applications* (2nd ed., pp. xxix–xlvi). Routledge: Taylor & Francis.